

21/12/1997

PM mahu Ghapur kekal

Zulkofli Jamaludin; Zainuddin Isa

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri mahu Datuk Abdul Ghapur Salleh menimbang semula keputusannya meletak jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Menteri Kewangan dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno, berkata beliau sudah mendengar penjelasan Ghapur, tetapi belum membuat keputusan untuk menerima peletakan jawatannya.

"Selagi saya belum membuat keputusan, Ghapur masih kekal dalam Kabinet negeri dan parti," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, mesyuarat MT tidak membincangkan peletakan jawatan Ghapur.

"Dia (Ghapur) menemui saya kelmarin dan memberi penjelasan kepada saya dan saya pula memberi penjelasan kepadanya serta meminta dia menimbang semula keputusannya itu," katanya.

Sabtu lalu, Ghapur, 54, mengumumkan peletakan semua jawatannya dalam Kabinet negeri dan parti. Peletakan jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan berkuatkuasa Khamis lalu, manakala sebagai timbalan pengerusi Umno negeri berkuat kuasa semalam.

Ghapur meletak semua jawatan itu dengan alasan peribadi dan gagal menjalankan tugas sebagai anggota Kabinet negeri.

Mengenai reaksi Ghapur, Dr Mahathir berkata, Ghapur menunjukkan tanda-tanda positif untuk menimbang semula keputusannya.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, yang ditemui pemberita selepas pertemuan Menteri Besar dan Ketua Menteri dengan Perdana Menteri, pula berkata oleh kerana Dr Mahathir belum membuat keputusan mengenai peletakan jawatan timbalannya itu, beliau akan memangku potfolio kewangan yang dipegang Ghapur.

"Beliau (Ghapur) juga dianggap masih bercuti kerana belum ada keputusan muktamad mengenai peletakan jawatannya," katanya.

Menurutnya, keputusan mengenai masa depan Ghapur mungkin dicapai dalam masa satu atau dua minggu lagi.

(END)